BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kategori dan Jenis Pendaftaran	Jenis Tawaran	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Dan Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tututp Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
BPA(S)/600/Q04/ 2026	Quotation For Landscape Maintenance At Menara Kidurong, Bintulu Port Authority (Sarawak)	Kategori KERJA Berdaftar dengan UPKJ di bawah Kelas F, Kepala VI, Sub- Kepala 5(a)(ii) ATAU 5(b) ATAU 5(c) DAN Berdaftar dengan CIDB di bawah Gred G1, Kategori CE dan Pengkhususan CE14	Terbuka	RM50.00	9 November 2026 (Isnin) **10.00 Pagi**	13 November 2026 (Jumaat) Jam 4.00 Petang	16 November 2026 (Isnin) Jam 12.00 Tengahari

2. **Taklimat dan Lawatan Tapak (WAJIB)**
Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya penyebut harga yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga.

Tarikh	:	**9 November 2026 (Isnin)**
Masa	:	**10.00 Pagi**
Tempat Berkumpul	:	**Bilik Mesyuarat Kuala Nyalau, Aras 8**
Pegawai Dihubungi	:	**Puan Siti Norazah binti Nazimen**
No Telefon	:	**086-232847**

Syarat Kehadiran Lawatan Tapak

- Hanya penama di dalam sijil pendaftaran UPKJ/CIDB sahaja yang layak menghadiri lawatan tapak ini dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain.
- Sila bawa bersama **sijil asal UPKJ, Sijil Taraf Bumiputera** (jika berkenaan) dan **Sijil CIDB** serta kad pengenalan untuk tujuan pengesahan dan saringan kelayakan semasa pendaftaran lawatan tapak.

3. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **SIJIL ASAL CIDB dan SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.

4. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan Sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wangkiriman pos berpalang (*postal order*) atau *electronic fund transfer* (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)**. Sila hubungi Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan maklumat pembayaran di talian 086-232817.

5. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **9 November 2026 hingga 13 November 2026** pada waktu pejabat di alamat **Bintulu Port Authority (Sarawak) Aras Lobi,5,8,9 & 10 Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong 97007 Bintulu,Sarawak.**

BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)

NOTIS SEBUT HARGA

6. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam (12.00) tengahari / petang** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Bintulu Port Authority (Sarawak)
Aras Lobi,5,8,9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu,Sarawak

7. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

8. **Bintulu Port Authority (Sarawak)** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa- apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

.....
Tandatangan
Kapt. Zakhir Khan Bin Yusop
Pengurus Besar (Menanggung)
Bintulu Port Authority (Sarawak)

Tarikh:6 November 2026